

Pembentukan Kata Tunggal Bahasa Semai Dalam Buku Teks Tahun 1 dan 2 : Analisis Berdasarkan Prinsip Tatabahasa Dewan

The Formation Of Single Word in Semai Language in Year 1 and 2 Textbooks : Analysis Based On The Principles of Tatabahasa Dewan

Siti Raudhatul Jannah Iskandar Miza
¹Harishon Radzi

Program Linguistik
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mail: ¹naslin@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kaum-kaum yang ada di Malaysia berstatus majoriti dan minoriti menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai keunikannya yang tersendiri. Antara kaum yang ada di Malaysia ialah suku kaum orang asli seperti bahasa asli Semai, bahasa asli Melayu-Proto dan bahasa asli Che Wong. Pengkaji melaksanakan kajian mengenai bahasa asli Semai yang memfokuskan tentang pembentukan kata tunggal dalam buku teks bahasa Semai tahun satu dan dua. Kata tunggal banyak digunakan dalam konteks berbahasa. Hal ini demikian kerana kata tunggal adalah asas sebelum berlakunya sebarang penggandaan dan juga pengimbuhan. Pengkaji mengambil kata tunggal yang ada dalam karya bukan prosa seperti sajak dan pantun. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti bentuk kata tunggal yang terdapat dalam karya bukan prosa, mengkategorikan kata tunggal tersebut berdasarkan penggolongan kata dan juga menghuraikan proses pembentukan kata tunggal dengan menggunakan Prinsip Tatabahasa Dewan. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan pendekatan analisis deskriptif. Kaedah kajian ini dilakukan adalah dengan mengumpulkan data, menganalisis, mengkategorikan data kepada penggolongan kata seperti kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata sendi nama. Data juga akan dijadualkan mengikut penggolongan kata dan carta pai bagi memperoleh maklumat yang tepat. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat penggunaan kata tunggal dalam karya bukan prosa yang terkandung dalam buku teks bahasa Semai tahun satu dan dua. Kesimpulannya, kajian ini merupakan salah satu penemuan yang boleh dijadikan sebagai rujukan oleh pengkaji akan datang. Selain itu, melalui kajian ini juga, pengkaji seterusnya dapat meluaskan lagi bidang penyelidikan mengenai orang asli terutama sekali orang asli Semai.

Kata Kunci : *kata tunggal, penggolongan kata, karya bukan prosa, bahasa orang asli semai, buku teks*

ABSTRACT

The races in Malaysia have the status of majority and minority making Malaysia a country that has its own uniqueness. Among the races in Malaysia are indigenous tribes such as the Semai, the Proto-Malay and Che Wong native people. The researcher carried out a study on the native Semai language that focused on the formation of single words in the first and second year Semai language textbooks. Single words are widely used in the context of speaking and communication. This is because the single word is the basis before any addition occurs. The single words are taken from particular non-prose works such as poems in the textbooks. The objectives of this study is to identify single word forms found in non-prose works, categorize those single words based on classification and also describe the process of single word formation by using the Principle of Tatabahasa Dewan. The study

is a quantitative study with a descriptive analysis approach. The method of this study is to collect data, analyze and categorize the data into word classifications such as nouns, verbs, adjectives and noun conjunctions. Data will also be tabulated according to word classification to obtain accurate information. The result of the study show that there is the use of single words in non-prose works contained in Semai language textbooks for year one and two. There is also a lot of words are used from word classification to convey meaning. In conclusion, this study is one of the findings that can be used as a reference by future researchers. In addition, through this study, the reseacher can futher expand the field of research on the indigenous people, especially the Semai native people.

Keywords : *single word, word classification, non-prose works, native Semai language, textbooks*

1. Pengenalan

Bahasa adalah wadah penyampaian sebuah konsep yang realiti dan merupakan kod untuk pakar linguistik bagi membezakan antara bentuk dan makna. Bahasa juga merupakan satu sistem bunyi yang arbitrari. Bahasa merupakan satu alat komunikasi yang digunakan oleh masyarakat melalui pertuturan bagi menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara.

Bahasa juga adalah salah satu medium hubungan antara satu pihak dengan pihak yang lain. Komunikasi yang menggunakan bahasa bukan sahaja digunakan secara lisan iaitu pertuturan, malah ia juga digunakan dalam komunikasi bukan lisan seperti tulisan. Tulisan juga salah satu cara komunikasi yang sebenarnya mengandungi bahasa. Sekiranya sebuah tulisan itu tidak mempunyai sistem bahasanya yang tersendiri, maklumat tidak dapat disampaikan dengan betul.

Di Malaysia terdapat pelbagai bahasa orang asli yang menarik untuk dikaji. Walaupun golongan ini merupakan golongan minoriti dan penuturnya mempunyai jumlah yang lebih kecil berbanding bahasa Melayu Standard, ia masih tidak pupus atau tenggelam ditelan zaman. Bahasa Melayu masih dimartabatkan namun bahasa ibunda mereka tetap digunakan. Antara bahasa orang asli yang ada di Malaysia ialah bahasa asli Semai, bahasa asli Melayu-Proto dan bahasa asli Che Wong. Terdapat pelbagai lagi bahasa etnik yang boleh dikaji terutama sekali dalam bidang morfologi.

Menurut Nik Safiah Karim, Farid M.Onn, Hashim Haji Muda dan Abdul Hamid Mahmood (2013), morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji perkataan dari segi struktur, bentuk dan penggolongan kata. Menurut Asmah Haji Omar (1968), morfologi adalah peninjauan linguistik yang menitikberatkan hubungan antara morfem-morfem dan varian morfem. Seterusnya menurut John T. Jensen (1995), morfologi dapat didefinisikan sebagai sesuatu yang secara serentak mengubah bentuk suatu morfem, biasanya dasar, dan menambahkan sesuatu unsur makna kepada morfem tersebut. Menurut Abdullah Hassan (1974), morfologi ialah struktur luaran sebuah leksikal atau lebih tepat lagi ialah pembentukan kata.

Dalam konteks pembentukan kata tunggal dalam buku teks bahasa Semai tahun 1 dan 2, kata tunggal banyak digunakan lebih-lebih lagi dalam buku teks pendidikan awal persekolahan. Menurut Nik Safiah Karim, Farid M.Onn, Hashim Haji Muda dan Abdul Hamid Mahmood (2013) dalam buku *Tatabahasa Dewan* bahasa Melayu merupakan salah satu bahasa di dunia yang tergolong dalam jenis bahasa aglutinatif atau bahasa yang bersifat derivatif iaitu jenis bahasa demikian membentuk kebanyakan perkataannya melalui proses pengimbuhan atau penggandaan morfem kata dasar dengan morfem imbuhan secara rentetan mendatar. Menurut Asmah Haji Omar (1980), pembentukan kata adalah dengan melihat skala

tatatingkat dalam nahu, kata terdiri dari unsur-unsur yang lebih kecil darinya. Kajian ini secara umumnya menjalankan kajian tentang bahasa orang asli Semai yang melihat kepada aspek pembentukan kata tunggal dalam buku teks tahun 1 dan 2.

Menurut Nik Safiah Karim, Farid M.Onn, Hashim Haji Muda dan Abdul Hamid Mahmood (2013), kata tunggal ialah perkataan-perkataan yang ada dalam bahasa Melayu yang tidak menerima sebarang imbuhan atau tidak mengalami proses penggandaan dan perangkaian tergolong ke dalam jenis kata tunggal serta dibahagikan kepada dua jenis iaitu iaitu kata tunggal unit bebas dan juga kata tugas yang tidak dapat berdiri dengan sendiri. Bahasa asli Semai mempunyai struktur yang seiras dengan bahasa Melayu namun terdapat perbezaan yang boleh dikaji.

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti bentuk kata tunggal yang terdapat dalam karya bukan prosa dalam buku Teks Bahasa Semai tahun 1 dan tahun 2. Seterusnya pengkaji akan mengkategorikan kata tunggal yang terdapat dalam karya bukan prosa *Buku Teks Bahasa Semai* tahun 1 dan 2 berdasarkan penggolongan kata iaitu kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata sendi nama. Hasil data akan ditentukan melalui peratusan yang tertinggi dan juga terendah. Perbandingan akan dilihat dalam bentuk carta pai agar hasil kajian yang tepat dapat diperolehi. Selain itu, pengkaji juga akan menghuraikan kata tunggal yang dikategorikan mengikut penggolongan kata dengan menggunakan prinsip Tatabahasa Dewan.

2. Sorotan Kajian

Kajian tentang bahasa Semai turut dilakukan oleh Siti Aisah Binti Zailani, Riduan Makhtar dan Mohd Sharifudin bin Yusop pada tahun 2019. Tajuk Kajian mereka ialah pemilihan bahasa dalam masyarakat Semai di Hulu Selangor, Selangor dan membincangkan tentang pemilihan dan penggunaan bahasa dalam masyarakat Semai. Lokasi kajian ini terletak di dua buah kampung iaitu Kampung Serigala dan juga Kampung Changkat Bintang. Pengkaji juga mengaplikasikan Teori Domain Fishman (1972) dalam menganalisis data. Kaedah penyelidikan yang digunakan oleh pengkaji ialah kaedah soal selidik, rakaman dan kaedah pemerhatian. Informen yang dipilih secara rawak adalah seramai 175 orang daripada dua kampung berkenaan. Secara keseluruhannya, kajian ini memaparkan hasil kajian yang menunjukkan bahawa bahasa Semai merupakan satu bahasa yang masih menebal dalam masyarakat asli Semai. Walaupun terdapat banyak interaksi dan berlaku banyak percampuran bahasa Melayu, bahasa Semai masih boleh dikuasai terutama sekali golongan muda. Pengkaji juga mendapati bahawa masyarakat Semai ini tidak menolak bahasa Melayu dalam pertuturan, malah terdapat juga golongan kecil yang menggunakan bahasa Melayu selain daripada majoriti yang menggunakan bahasa Semai.

Terdapat juga kajian orang asli lain yang telah dilaksanakan oleh pengkaji lepas iaitu Harishon Radzi, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Nor Hasimah Jalaluddin dan juga Zaharani Ahmad pada tahun 2012. Kajian ini merupakan kajian mengenai bangsa orang asli Negrito dan kajian ini bertajuk analisis komunikasi bangsa minoriti Negrito menerusi pengimbuhan dan peminjaman kata. Seterusnya, kajian ini juga menghuraikan tentang bangsa minoriti iaitu orang asli Negrito yang menggunakan bahasa Mendriq tetapi menerusi kajian ini, evolusi bahasa Melayu telah berlaku menerusi pengimbuhan dan peminjaman kata. Perubahan ini berlaku kerana masyarakat Negrito bukan sahaja berkomunikasi dan berinteraksi dengan masyarakat sesama mereka sahaja tetapi juga melakukan hubungan komunikasi terhadap masyarakat yang menggunakan bahasa Melayu standard dari luar. Penyelidikan ini menggunakan dua kaedah iaitu kajian lapangan dan kajian perpustakaan.

Kajian dilaksanakan di kawasan perkampungan orang asli iaitu Kampung Kuala Lah, Gua Musang, Kelantan. Pendekatan dan teori yang digunakan dalam kajian ini ialah teori struktural dan pendekatan induktif. Pengkaji mendapati bahawa peminjaman mudah berlaku kerana sistem fonologi dan morfologi bahasa Mendriq yang serupa dengan bahasa Melayu. Seterusnya kajian ini menyimpulkan bahawa generasi muda masyarakat Mendriq lebih gemar menggunakan bahasa Melayu berbanding dengan bahasa asli Mendriq kerana interaksi sosial kini yang semakin berkembang.

Selain daripada kajian yang berkaitan dengan orang asli, terdapat juga kajian lepas yang berkaitan dengan kata tunggal. Kajian mengenai kata tunggal telah dilakukan oleh Fatheen Faeza Binti Suhaimi pada tahun 2017 yang bertajuk pembentukan kata tunggal dalam laman sosial Twitter menggunakan analisis prinsip Tatabahasa Dewan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti bentuk kata tunggal yang digunakan oleh pengguna dalam laman sosial Twitter. Kaedah yang dilakukan oleh pengkaji untuk memperoleh data ialah dengan cara mengumpulkan sejumlah perkataan, mengkategorikan, mengasingkan dan menganalisis mengikut jumlah suku kata. Kaedah pembentukan kata juga ada digunakan dalam kajian ini iaitu menyenaraikan jenis kata tunggal mengikut kategori. Dapatan atau hasil kajian dianalisis kepada dua bahagian iaitu mengenalpasti bentuk kata tunggal dan mengkategorikan bentuk kata tunggal berdasarkan pola gabungan konsonan dan vokal. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh pengkaji, pengkaji mendapati bahawa banyak kata tunggal digunakan dalam laman sesawang Twitter sama ada bahasa Melayu tulen ataupun pinjaman bahasa asing. Hasil analisis juga membuktikan bahawa kata tunggal yang banyak digunakan dalam laman sesawang Twitter adalah kata tunggal dua suku kata.

Kajian mengenai kata tunggal juga telah dilakukan oleh Noor Sajaratul Akma Binti Abdullah pada tahun 2016 yang bertajuk proses pembentukan kata tunggal dalam majalah Mingguan Wanita yang dianalisis menggunakan Prinsip Tatabahasa Dewan. Kajian ini akan menyelidik tentang proses pembentukan kata tunggal dan akronim yang diambil datanya daripada ruangan Personaliti, Kesihatan dan Psikologi yang terdapat dalam majalah Mingguan Wanita. Pengkaji menggunakan prinsip Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga sebagai prinsip untuk menganalisis data kajian. Kaedah pengumpulan data adalah dengan menggunakan kaedah perpustakaan untuk mendapatkan fakta, panduan, pengertian dan kefahaman. Seterusnya ialah kaedah atas talian bagi memperoleh pendapat tokoh atau fakta yang tidak terdapat di dalam buku. Selain itu, analisis data dibuat dengan mengenal pasti bentuk kata tunggal iaitu kata tunggal satu suku kata, dua suku kata, tiga suku kata dan empat suku kata atau lebih. Setiap suku kata disusun mengikut pola gabungan konsonan dan vokal. pengkaji mendapati bahawa peminjaman kata tunggal daripada bahasa bahasa asing ke dalam bahasa Melayu yang banyak ditemukan dalam kajian ini. Menurut pengkaji, hal ini berlaku demikian kerana kemunculan banyak idea baru serta teknologi dari negara luar menyebabkan ia mempengaruhi kata dalam bahasa Melayu.

Di samping itu, terdapat juga kajian lepas dilakukan oleh Nur Aimi Awatif Binti Kamal pada tahun 2017 yang bertajuk penggolongan kata dalam bahasa Mah Meri iaitu satu analisis morfologi. Bahasa merupakan keupayaan masyarakat yang menuturkannya untuk menyampaikan sesuatu dengan berkesan. Kaedah yang digunakan pengkaji dalam analisis ini ialah kaedah perpustakaan bagi mengumpulkan maklumat kajian lepas dan juga maklumat tentang masyarakat Mah Meri yang dikaji. Kaedah seterusnya yang digunakan ialah kaedah pengumpulan data yang terbahagi kepada dua iaitu data primer dan data sekunder. Kaedah kajian lapangan dan kaedah temu bual juga digunakan. Pengkaji menggunakan pendekatan teori struktural dalam menganalisis data. Pengkaji akan mengkategorikan mengikut kelas kata seperti kata nama, kata adjektif, kata kerja dan kata sendi nama. Melalui

kajian ini, pengkaji mendapati terdapat golongan kata dalam bahasa Mah Meri iaitu kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata tugas yang bersifat terbuka dan menjadi inti utama ataupun morfem bebas dalam ayat. Penggolongan kata dalam bahasa Mah Meri akan sentiasa bertambah oleh itu kajian terhadap bahasa Mah Meri perlu diberi perhatian oleh para pengkaji.

3. Skop Kajian

Kajian ini meneliti aspek berkaitan dengan bidang morfologi iaitu dengan melihat penggolongan kata kata tunggal dengan menggunakan konsep *Tatabahasa Dewan*. Selain itu, pengkaji juga memfokuskan pada proses pembentukan kata tunggal dalam bahasa orang asli iaitu Bahasa asli Semai. Seterusnya bagi mendapatkan data kajian, pengkaji telah memilih data dalam Buku Teks tahun 1 dan 2. Bagi leksikal kata tunggal, pengkaji akan meneliti karya bukan prosa yang ada dalam buku teks tersebut iaitu pantun dan juga sajak. Buku teks ini digunakan oleh pelajar sekolah rendah yang mempunyai Bahasa Semai dalam silibus pembelajarannya.

4. Metodologi

Metodologi merupakan kaedah kajian yang sangat penting dalam suatu penyelidikan. Kaedah ini digunakan untuk memudahkan pengkaji bagi mencari dan mengendalikan data yang diperolehi. Bermula daripada proses pencarian data, proses menganalisis dan proses mendapatkan kesimpulan hasil kajian, semua dilaksanakan menggunakan metodologi kajian yang betul. Metodologi juga sangat penting dalam menjadi garis panduan kepada pengkaji agar tidak tersilap langkah dalam menjalankan penyelidikan. Kaedah kajian yang tersusun penting untuk membuktikan bahawa kajian ini dilaksanakan dengan teliti dan tepat. Proses penyelidikan yang lancar adalah keutamaan bagi pengkaji.

4.1 Tata Cara Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data digunakan oleh pengkaji untuk mengumpulkan data kajian mengenai pembentukan kata tunggal. Kaedah ini merupakan kaedah yang penting dalam suatu kajian. Terdapat beberapa kaedah lain yang turut digunakan dalam metodologi kajian ini. Antara kaedah kajian yang telah digunakan oleh pengkaji bagi menjalankan kajian ini adalah kaedah kepustakaan dan kaedah analisis data. Kajian pengkaji adalah seratus peratus menggunakan data daripada kaedah analisis teks.

Kaedah kepustakaan merupakan satu kaedah awal yang digunakan dalam suatu kajian. Kaedah kepustakaan dijadikan sebagai garis panduan, rujukan, fakta dan kefahaman bagi semua fakta dan istilah yang digunakan. Rujukan kepustakaan yang diambil oleh pengkaji termasuklah jurnal, buku, artikel dan sebagainya. Menerusi kaedah ini, pengkaji akan mendapatkan fakta atau maklumat yang tepat daripada ahli bahasa terdahulu dan juga ilmuan yang mengkaji perkata berkaitan kajian. Antara perpustakaan yang telah pengkaji kunjungi untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan ialah Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL), Perpustakaan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) dan Pusat Sumber Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik (PSPPBL).

Selain daripada kaedah kepustakaan, pengkaji juga telah menggunakan kaedah atas talian (*online*) bagi memperoleh maklumat untuk kajian ini. Kebanyakan maklumat ini tidak boleh diperoleh di dalam perpustakaan dan hanya ada di atas talian. Oleh itu, ia amat memudahkan para pengkaji untuk tidak membawa banyak cetakan bahan rujukan kajian setiap kali ingin menggunakannya. Antara talian yang sering digunakan oleh pengkaji ialah Gema online, Jurnal Bahasa, e-jurnal UKM, Jurnal Persatuan Linguistik Malaysia (PLM) dan juga MyJurnal.

4.2 Analisis Data

Sumber data kajian ini diperoleh daripada *Buku Teks Bahasa Semai* tahun 1 dan 2 yang diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Kaedah ini bertujuan untuk melihat pembentukan kata tunggal dalam bahasa Semai. Data yang diperoleh akan dibahagikan kepada beberapa kategori penggolongan kata iaitu kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata sendi nama. Pengkaji akan meneliti kata tunggal yang diperoleh daripada *Buku Beks Bahasa Semai* tahun 1 dan 2 lalu mengkategorikan data dalam bentuk jadual. Analisis data kajian, pengkaji dapat menumpukan fokus terhadap tujuan kajian dengan lebih teliti. Kaedah peratusan akan digunakan bagi menentukan penggolongan kata yang paling banyak digunakan dan yang paling sedikit penggunaannya. Kaedah ini adalah kaedah yang membolehkan pengkaji untuk mempersembahkan data dengan tersusun dan tepat. Kata Tunggal akan dianalisis berdasarkan penggolongan katanya yang tersendiri. Kata tunggal yang telah dikategorikan akan dianalisis dan dihuraikan dengan lebih terperinci.

5. Dapatan dan Perbincangan

5.1 Mengenal pasti kata tunggal yang terdapat dalam karya bukan prosa *Buku Teks bahasa Semai*

Kata tunggal Bahasa Semai dalam karya bukan prosa iaitu sajak dan pantun *Buku Teks* tahun 1 dan 2 dikategorikan dalam bentuk jadual :

Kata Tunggal Bahasa Semai	Maksud
tenek	abang/kakak
berog	Badan
menang	adik lelaki/adik perempuan
dirik	diri
ilei	dia
kirak	kira
jagak	jaga
kiur	buat
raknak	dewasa
entoi	besar
bor	baik
raman	mesra
jujor	jujur
penanei	bijaksana
tegas	tegas
jahat	jahat

ru	dengan
ya	oleh
cip	jalan
mutu	motosikal
jis	hari
kedei	kedai
laksa	laksa
gerei	gerai
bek	gelaran lelaki yang sudah berkahwin
tabong	tabung
bank	bank
huj	naik
et	pergi
besungar	nakal
bar	baik
cercor	bijak
nu	ke
jeoi	ramai
ku	di
bungsuk	bongsu
gulak	gula
muliak	mulia

Jadual 1

5.2 Mengkategorikan kata tunggal yang terdapat dalam karya bukan prosa *Buku Teks Bahasa Semai Tahun 1 dan 2 mengikut penggolongan kata*

5.2.1 Kata Nama

Nik Safiah Karim, Farid M.Onn, Hashim Haji Musa, Abdul Hamid Mahmood (2013) dalam buku *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*, kata nama didefinisikan sebagai perkataan yang boleh menjadi unsur inti bagi binaan frasa nama dan lazimnya perkataan demikian menamakan orang, haiwan, tempat, benda atau konsep. Kata nama terbagi kepada tiga iaitu kata nama khas, kata nama am dan kata ganti nama. Kata nama khas adalah rujukan khusus kepada orang, benda, haiwan, institusi, undang-undang dan pangkat. Kata nama khas ini dieja dengan huruf besar pada huruf pertamanya. Kata nama am pula merujuk kepada benda atau perkara yang bersifat umum dan dieja dengan huruf kecil. Manakala kata ganti nama pula ialah kata nama yang menjadi pengganti kepada suatu benda, perkara, manusia atau tunjuk arah dan dieja dengan huruf yang kecil. Dalam karya bukan prosa ini, terdapat 15 jumlah kata nama digunakan bersamaan dengan 40% daripada keseluruhan penggolongan kata yang ada dalam sajak dan pantun ini. Banyak kata nama am digunakan dalam karya ini seperti perkataan [berog] yang bermaksud badan, [mutu] yang bermaksud motosikal, [jis] yang bermaksud hari dan sebagainya. Kata ganti nama pula ialah seperti [tenek] iaitu abang atau kakak, [ilei] iaitu dia dan juga [menang] iaitu adik lelaki atau adik perempuan. Tiada kata nama khas yang digunakan dalam karya bukan prosa ini.

Kata Tunggal Bahasa Semai	Maksud
tenek	abang/kakak
berog	badan
menang	adik lelaki/adik perempuan

dirik	diri
ilei	dia
mutu	motosikal
jis	hari
kedei	kedai
laksa	laksa
gerei	gerai
bek	gelaran lelaki yang sudah berkahwin
tabong	tabung
bank	bank
bungsuk	bongsu
gulak	gula

Jadual 2

5.2.2 Kata Kerja

Kata kerja ialah binaan yang boleh terdiri daripada satu perkataan atau lebih dan wajib dihadiri oleh kata kerja. Ia dibahagikan kepada kata kerja transitif atau kata kerja tak transitif (Nurul Aini & Fazal Mohamed Mohamed Sultan 2018). Terdapat 6 kata kerja yang digunakan dalam karya bukan prosa ini iaitu 16% dari keseluruhan penggolongan kata yang digunakan. Kata kerja yang ada dalam karya ini ialah [kirak] iaitu kira, [jagak] iaitu jagak, [kiut] iaitu buat, [cip] iaitu jalan, [huj] iaitu [naik] dan [et] yang bermaksud [pergi].

Kata Tunggal Bahasa Semai	Maksud
kirak	kira
jagak	jaga
kiur	buat
cip	jalan
huj	naik
et	pergi

Jadual 3

5.2.3 Kata Adjektif

Kata adjektif juga dikenali sebagai kata sifat yang menjadi unsur inti dalam binaan frasa adjektif. Frasa adjektif boleh terdiri daripada hanya satu kata adjektif dan unsur-unsur keterangan seperti kata bantu atau kata penguat. Kata adjektif terbahagi kepada 9 iaitu, kata adjektif sifat, warna, ukuran, bentuk, waktu, jarak, cara, perasaan dan pancaindera. Antara kata adjektif yang terdapat dalam karya bukan prosa ini adalah [raknak] iaitu dewasa, [entoi] iaitu besar, [raman] iaitu mesra, [besungar] iaitu nakal dan sebagainya. Kajian ini mempunyai sebanyak 13 kata adjektif bersamaan dengan 34% daripada keseluruhan penggolongan kata dan menjadikan kata adjektif sebagai kategori penggolongan kata yang paling banyak digunakan dalam karya bukan prosa ini.

Kata Tunggal Bahasa Semai	Maksud
raknak	dewasa
entoi	besar
bor	baik
raman	mesra

jujur	jujur
penanei	bijaksana
tegas	tegas
jahat	jahat
besungar	nakal
bar	baik
cercor	bijak
jeoi	ramai
muliak	mulia

Jadual 4


5.2.3 Kata Sendi Nama

Kata Sendi Nama tergolong dalam kategori kata tugas dalam bahasa Melayu dan kata sendi nama mestilah diikuti oleh kata nama sebagai pelengkapannya. Penggunaan kata sendi mestilah digunakan dengan betul bagi mengelakkan kekeliruan. Setiap kata sendi mempunyai kegunaannya dan fungsi yang tersendiri. Antara kata sendi nama yang terdapat dalam karya bukan prosa adalah [ru] iaitu dengan, [ya] iaitu oleh, [nu] iaitu ke dan [ku] yang bermaksud di. Hal ini membuktikan bahawa bahasa Semai juga mempunyai kata sendi namanya yang tersendiri.

Kata Tunggal Bahasa Semai	Maksud
ru	dengan
ya	oleh
nu	ke
ku	di

Jadual 5


5.3 Perbandingan penggolongan kata dalam karya bukan prosa



Rajah 1: Perbandingan keseluruhan penggolongan kata dalam sajak Julahap Ru Bungbuk

Melalui perbandingan ini, pengkaji dapat melihat dengan lebih jelas akan penggunaan penggolongan kata dalam sajak dan pantun yang ditulis dalam bahasa Semai. Hasil kajian mendapati bahawa kata adjektif paling banyak digunakan dalam penulisan sajak bahasa Semai ini dengan peratusan sebanyak 42% daripada keseluruhan. Penggunaan kata adjektif yang banyak adalah untuk menyampaikan sesuatu sifat atau keadaan yang ingin digambarkan oleh penulis. Penggunaan kata adjektif yang banyak membantu penulis untuk mengolah suatu perkara dengan lebih jelas dan terperinci. Hal ini bertujuan agar pembaca dapat lebih memahami dan membayangkan keadaan yang ingin disampaikan.


Jumlah peratusan diikuti dengan kata nama yang mempunyai peratusan sebanyak 32%. Kata nama menjadi kelas kata kedua yang banyak digunakan kerana setiap kata sifat atau keadaan itu mestilah menggambarkan sesuatu yang tergolong dalam kata nama. Oleh itu, penggunaan kata nama juga mencatatkan jumlah yang tinggi. Kata kerja dan kata sendi nama menjadi dua kelas kata yang mempunyai jumlah peratusan yang rendah berbanding kata adjektif dan kata nama. Hal ini demikian kerana sajak ini kurang membicarakan tentang perbuatan dan kelakuan yang bersifat kata tunggal. Kata kerja lain yang terdapat dalam sajak ini mempunyai imbuhan yang menjadikannya bukan kata tunggal. Seterusnya kata sendi nama juga tidak banyak digunakan kerana sajak kebanyakannya mengandungi ayat yang pendek dan tidak kompleks sehingga memerlukan kata sendi nama yang banyak.



Rajah 2: Perbandingan penggolongan kata dalam pantun Juk Hidek Ku Tabong

Rajah 2 berikut menunjukkan bahawa dalam sajak yang bertajuk Julahap Ru Bungbuk dalam buku teks bahasa Semai tahun 1 menunjukkan bahawa penggunaan penggolongan kata,

kata nama mencatatkan jumlah yang tertinggi iaitu 51% yang menandakan bahawa kata nama merupakan kelas kata yang paling banyak digunakan dalam penulisan pantun bahasa Semai ini. Separuh dari jumlah penggolongan kata kata tunggal yang digunakan dalam pantun ini ialah kata nama. Kata adjektif merupakan kelas kata kedua yang tertinggi yang digunakan dalam pantun ini. Manakala kata kerja dan kata sendi nama ialah kelas kata yang paling sedikit digunakan dalam pantun ini.



Rajah 3: Perbandingan keseluruhan penggolongan kata dalam sajak Julahap Ru Bungasuk dan pantun Juk Hidek Ku Tabong

Secara keseluruhannya, penggunaan penggolongan kata yang tertinggi dalam sajak Julahap ru Bungasuk dan pantun Juk Hidek ku Tabong ialah kata nama dengan peratusan 40% dari jumlah keseluruhan. Seterusnya kata adjektif pula mencatatkan jumlah kedua tertinggi dengan peratusan 34%. Kata kerja dan kata sendi memperoleh jumlah yang paling sedikit berbanding dua kelas kata yang lain iaitu 16% dan 10%.

6. Kesimpulan

Kesimpulannya, dalam sajak dan pantun yang ada dalam buku teks Bahasa Semai tahun 1 dan 2, terdapat banyak penggunaan kelas kata yang bersifat kata tunggal. Kelas kata yang paling banyak digunakan ialah kata nama dan diikuti dengan kata adjektif. Pengkaji mendapati bahawa kata nama boleh digunakan tanpa imbuhan dan masih membawa maksud yang ingin disampaikan mengikut konteks ayat dan begitu juga dengan kata adjektif. Namun, hal ini berbeza dengan kata kerja dimana kata kerja kebanyakannya memerlukan imbuhan dalam suatu ayat. Kata sendi pula mencatatkan jumlah yang sedikit dalam kedua-dua karya bukan prosa bahasa Semai kerana karya bukan prosa lebih cenderung untuk wujud dalam bentuk ayat yang tidak kompleks yang memerlukan kata sendi nama yang banyak. Pengkaji berharap agar lebih banyak lagi kajian mengenai bahasa Semai dapat dilaksanakan pada masa

akan datang. Justeru, penggunaan kelas kata juga berlaku dalam bahasa Semai seperti fungsinya yang ada dalam bahasa Melayu standard.

Rujukan

- Abdullah Hassan. (1974). *The Morphology of Malay*. Petaling Jaya. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1968). *Morfoloji-Sintaksis Bahasa Melayu (Malaya) dan Bahasa Indonesia: Satu Perbandingan Pola*. Universiti Malaya. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1980). *Nahu Melayu Mutakhir*. Ed-1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fatheen Faeza Binti Suhaimi. (2017). Kata tunggal dalam laman sosial Twitter menggunakan analisis prinsip Tatabahasa Dewan. Tesis Sarjana Muda, Jabatan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Harishon Radzi, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Nor Hasimah Jalaluddin & Zaharani Ahmad. (2012). Analisis bahasa komunikasi bangsa minoriti Negrito menerusi pengimbuhan dan peminjaman kata. *Journal of Language Studies* 12(3).
- John T. J. (1995). *Morfologi: Struktur Kata dalam Nahu Generatif*. Terjemah Ajid Che Kob. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nurul Aini Binti Abd Rahman & Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2018). Kata Kerja Dalam Dialek Perlis: Analisis Program Minimalis. *Jurnal Wacana Sarjana*.
- Nik Safiah Karim, Farid M.Onn, Hashim Haji Musa, Abdul Hamid Mahmood. (1986). *Tatabahasa Dewan*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Sajaratul Akma Binti Abdullah. (2016). Proses Pembentukan Kata Tunggal dalam majalah Mingguan Wanita: Prinsip Tatabahasa Dewan. Tesis Sarjana Muda, Jabatan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Aimi Awatif Binti Kamas. (2017). Penggolongan kata dalam bahasa Mah Meri iaitu satu analisis morfologi. Tesis Sarjana Muda, Jabatan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Aisah Binti Zailani, Riduan Makhtar dan Mohd Sharifudin Yusop. (2019). Pemilihan bahasa dalam masyarakat Semai di Hulu Selangor, Selangor. Tesis Sarjana Muda, Jabatan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia.